

17 JAN 2003

Najib-Perubahan

ROMBAKAN UMNO KELANTAN TUNJUK PARTI PEKA DENGAN KEHENDAK PENGUNDI

KUANTAN, 17 Jan (Bernama) -- Rombakan dalam barisan kepimpinan Umno Kelantan menunjukkan parti itu peka dengan kehendak pengundi di negeri itu yang mahukan perubahan, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata perubahan itu juga merupakan satu isyarat jelas bahawa Umno sanggup berbuat apa sahaja yang perlu bagi menyesuaikan parti itu dengan kehendak penduduk setempat.

"Saya percaya keputusan yang dibuat oleh Presiden Parti merupakan satu kesungguhan kepimpinan parti untuk membawa perubahan di Kelantan.

"Imej yang baru perlu ditampilkan untuk memberi keyakinan yang lebih kepada pengundi bahawa Umno menyedari apa yang patut dilakukan," katanya kepada pemberita selepas lawatan ke Amalgamated Metal Builders (M) Sdn Bhd di kawasan Perindustrian Gebeng di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan rombakan Badan Perhubungan Umno Kelantan dengan melantik beberapa muka baru termasuk bagi jawatan timbalan pengerusi Perhubungan Umno Negeri, sebagai strategi menawan semula Kelantan.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata parti itu menjanjikan satu bentuk kepimpinan dan pentadbiran dengan semangat dan idea baru bagi membawa Kelantan menuju ke era cemerlang.

Menurutnya pengundi Kelantan mahukan perubahan dan seperti yang dijanjikan, Umno akan membawa perubahan kepada negeri itu yang dimulakan dengan rombakan berkenaan.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan adanya perubahan dalam kepimpinan Umno negeri lain, Najib berkata ia tidak akan melibatkan semua negeri tetapi bergantung kepada keadaan.

Terdahulu dalam lawatannya itu, Najib menyaksikan penyerahan Sijil ISO 9001:2000 dari Bureau Veritas Quality International UK (BVQI) kepada pengurusan kilang berkenaan.

-- BERNAMA

HIS NAK